

PROSEDUR PENAWARAN KUARTERS KEPADA PEGAWAI YANG BERTUGAS DI LUAR NEGARA DAN DIARAHKAN KEMBALI BERKHIDMAT DI MALAYSIA

1. Pada 2 Oktober 2013, YBhg. Tan Sri Dr. Ketua Setiausaha Negara telah mengumumkan Kerajaan akan memberi keutamaan kepada mana-mana penjawat awam yang berkhidmat di luar negara untuk mendapatkan kuarters sebaik mereka diarahkan kembali berkhidmat ke Malaysia jika belum memiliki rumah sendiri melalui pinjaman perumahan Kerajaan - (*Utusan Online*)
2. Bagi memudahkan proses penawaran kuarters, berikut adalah perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh pegawai:-
 - i. Membuat permohonan kuarters melalui sistem SBBPH (sekiranya belum berdaftar).
 - ii. Memaklumkan kepada BPH maklumat-maklumat seperti berikut:
 - a) Maklumat Peribadi (Nama, No. Kad Pengenalan, No. HP, Email & dll)
 - b) Gred & Jawatan
 - c) Kementerian
 - d) Tarikh jangkaan mula bertugas di Malaysia
 - iii. Mengemukakan surat arahan kembali berkhidmat di Malaysia; dan
 - iv. Mengemukakan surat pengesahan penempatan terkini di mana-mana Bahagian di Kementerian/surat pengesahan telah ditempatkan di Kementerian.
3. Walau bagaimanapun, proses penawaran kuarters adalah tertakluk kepada kekosongan kuarters yang telah siap/selesai pembaikan lebih-lebih lagi kekosongan kuarters hanya bergantung kepada penghuni sedia ada yang keluar kuarters kerana pertukaran keluar kawasan, bersara, hilang kelayakan dan sebagainya.